



Hari Terbuka UMP sebar maklumat pengajian tinggi terhadap masyarakat

Universiti yang digambarkan sebagai sekolah pengajian sejagat (school of universal learning) sebenarnya mendukung peranan dan obligasi yang lebih besar yang bukan sahaja sebagai gedung ilmu pengetahuan malahan mempunyai dimensi yang lebih luas dan merujuk kepada proses penyebaran.

Pengetahuan bukan sahaja kepada komuniti sesebuah universiti, tetapi tidak kurang pentingnya juga, penyebaran pengetahuan kepada masyarakat.

Naib Canselor Universiti

Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, menyedari bahawa fungsi sebenarnya lebih bersifat satu obligasi berbanding rekreasi, apatah lagi dalam konteks kewujudannya sebagai sebuah universiti awam (UA), maka UMP memandang serius usaha merealisasikan pendemokrasian pendidikan dengan menampilkan universiti ini ke tengah masyarakat.

"Dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)

2015-2025 tidak lama lagi, komitmen sosial universiti terhadap masyarakat semakin diberi penekanan sebagai agenda penting yang perlu dilaksanakan di universiti ini."

"Masyarakat umum kini merupakan sebahagian daripada pemegang taruh dan kumpulan sasaran yang memerlukan perhatian strategik universiti.

"Justeru, komitmen sosial berkaitan penyebaran pengetahuan kepada kelompok ini perlu diberikan acuan khusus yang realistik dan praktikal bagi memastikan mesej utamanya dapat disampaikan dengan berkesan, sama ada secara formal atau informal," ujar Dato' Dr. Daing Nasir semasa menyampaikan ucapan sempena Majlis Perasmian Hari Terbuka UMP dan Penyampaian Hadiah CITREx 2015 pada 10 Mac 2015 yang lalu.

Penganjuran Hari Terbuka ini adalah antara inisiatif UMP untuk memasyarakatkan universiti melalui saluran yang formal yang dikombinasikan dengan kaedah penyebaran maklumat dan pengetahuan secara informal.

Penganjuran kali ini merangkumi lima komponen utamanya iaitu Creation, Innovation, Technology & Research

Exposition (CITREx), Karnival Mahabbah, Academic Showcase, Karnival Bahasa dan Kebudayaan Cina serta Persembahan Istimewa menjadikan Hari Terbuka UMP 2015 sebuah acara yang bersifat inklusif dan sesuai untuk semua peringkat masyarakat.

Sementara itu, menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, program ini amat bersesuaian dengan pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) baru-baru ini, ianya memberi peluang kepada bakal calon pelajar dan ibu bapa untuk mendapatkan maklumat pengajian.

Dalam pada itu, sebanyak 300 hasil penyelidikan UMP dipamerkan dalam Pertandingan Reka Cipta, Kreatif dan Inovasi (CITREx) untuk dikongsi bersama masyarakat.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 66 pingat emas, 137 perak dan 79 pingat gangsa dianugerahkan kepada penyelidik dalam program yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Gambang bersempena Hari Terbuka UMP yang diadakan dua hari mulai 9 hingga 10 Mac 2015.